



**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa dari penyebutharga yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang bekalan/perkhidmatan di bawah kepala dan sub kepala yang berkaitan seperti berikut:-

NO. SEBUT HARGA	PERKARA	KEPALA/ SUB KEPALA
MPPD SH 82 / 2021 (RM 50.00)	Membekal Perabot Dan Kelengkapan Berasaskan Kayu / Fabrik Dan Logam Untuk Majlis Perbandaran Port Dickson	020199
MPPD SH 87 / 2021 (RM 50.00)	Perkhidmatan Percetakan Laporan Dan Perkakasan Pemacu Kilat USB (<i>Pendrive</i>) Bagi Rancangan Tempatan Malaysia Vision Valley (RTMVV 2045)	222002

1. Setiap dokumen sebut harga boleh dibeli di **Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Blok A, Majlis Perbandaran Port Dickson, 71009 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus** pada waktu pejabat (**8.30 pagi hingga 12.00 tengahari**) mulai pada **03 September 2021**.
2. Pembekal hendaklah membawa sijil asal:-
 - a) **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)***
 - b) **Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia***
 - c) **Sijil Pendaftaran MPPD***

***semasa pembelian naskah sebut harga**
3. Pembekal perlulah berdaftar dengan Majlis Perbandaran Port Dickson. Pendaftaran pembekal boleh dibuat di Jabatan Kejuruteraan, MPPD.
4. Borang sebut harga yang telah diisi dan dilengkapi serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga sebelum atau pada **10 September 2021 jam 12.00 tengah hari** di **Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset & Stor, Blok A, Majlis Perbandaran Port Dickson, 71009 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus**.

5. Nombor sebut harga dan juga tajuk bekalan/perkhidmatan hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang sebut harga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan.

6. Pembekal dinasihatkan agar mengamalkan tatacara Penjarakan Sosial (*Social Distancing*) dan memakai pelitup muka (*Face Mask*) semasa berurusan di Kaunter MPPD. Sebarang pelanggaran arahan oleh pihak tuan akan di ambil tindakan.

7. Sebut harga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan sebut harga. Walaubagaimanapun kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku sebut harga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.

8. Majlis Perbandaran Port Dickson adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

Tandatangan :
Nama Pegawai : MOHD ZAMRI BIN MOHD. ESA
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Port Dickson
Jawatan :
Tarikh : 26 Ogos 2021

***Kaedah Pembayaran Secara Dalam Talian Sahaja (*Online Payment*)**

ISNIN - JUMAAT (HARI BEKERJA)

8.30 PAGI HINGGA 12.00 TENGAHARI